

Johari dilantik sebagai menteri penyelararas Malaysia untuk Russia

Tanggungjawab bagi atasi cabaran perdagangan susulan sekatan Barat terhadap Kremlin

Moscow: Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dilantik sebagai menteri penyelararas bagi Russia.

Johari berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi kepercayaan kepadanya untuk menyelararas usaha menangani cabaran perdagangan yang semakin kompleks susulan sekatan Barat terhadap Kremlin.

"Perdana Menteri memberikan saya tanggungjawab ini kerana cabaran perdagangan yang sedang kita hadapi di sini.

"Banyak pengeksporth Malaysia enggan mengambil risiko disebabkan sekatan itu. Bank keberatan untuk memproses transaksi. Pembeli Russia mahu membuat bayaran, tetapi bank Malaysia tidak mahu menerima dana itu," katanya ketika majlis



Anwar bersama Johari (kiri), Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir (dua dari kiri); Mohamad Sabu (tiga dari kiri); Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan (tiga dari kanan) serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Li Kang (dua dari kanan) ketika mengadakan mesyuarat meja bulat bersama pemimpin industri sempena lawatan rasmi empat hari ke Russia, semalam. (Foto BERNAMA)

makan malam bersama diaspora Malaysia, di sini.

Sejak 2014, Russia dikenakan beberapa siri sekatan yang diselaraskan oleh Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah, United Kingdom serta sekutu Barat lain.

Sekatan itu memberi kesan kepada pelbagai aspek, termasuk sistem pembayaran dan urusan niaga kewangan.

Johari berkata, terdapat perniagaan yang mengambil ini-

siatif menggunakan saluran pihak ketiga atau melalui Singapura bagi menyelesaikan transaksi, satu pendekatan yang membuktikan penyelesaian masih wujud jika ditangani secara strategik.

"Jika Singapura dan Indonesia boleh melakukannya, kita juga boleh. Sebagai contoh, Indonesia mengeksporth minyak sawit ke Russia dan menerima bayaran secara langsung.

"Ini adalah isu yang boleh di-

selesaikan dan menjadi tanggungjawab saya untuk mencari jalan penyelesaian," katanya.

Teroka teknologi pertanian

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata pelajar Malaysia di luar negara perlu meneroka teknologi pertanian baharu khususnya bagi memperkukuh keterjaminan makanan negara.

"China jauh ke hadapan dalam

inovasi pertanian. Kita juga mesti mengikut jejak langkah itu. Jika kita mahu menjamin keterjaminan makanan untuk jangka panjang, kita perlu menerima pakai kaedah pertanian moden dan cekap," katanya.

Majlis makan malam itu turut dihadiri lebih 100 rakyat Malaysia, termasuk pelajar dan kakitangan kedutaan yang dianjurkan Anwar sempena lawatan rasmi beliau selama empat hari ke Russia.